



"WARNA-WARNI" KEHIDUPAN MASYARAKAT TIONGHOA

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, warna bermaksud kesan yang didapati oleh mata daripada cahaya yang dipantulkan oleh benda-benda (dengan gelombang yang berbeza-beza) yang dilihatnya, rona, bermacam-macam, berbagai-bagai (warna sari), ragam atau corak (keadaan atau sifat sesuatu), kasta atau golongan (dalam masyarakat) seperti warna merah, warna kuning, warna hijau, warna cempaka, warna tua, warna muda, warna primer (warna dasar) dan warna sekunder (warna yang terhasil daripada dua warna primer).

Sudah berabad-abad lamanya, warna merah menjadi warna pilihan yang dominan dalam kalangan masyarakat Tionghoa di seluruh dunia, khususnya menjelang perayaan Tahun Baharu Cina. Merah merupakan simbol, lambang atau tanda kebahagiaan, kegembiraan dan kemakmuran. Sering kita dapat lihat warna merah menjadi pilihan dalam aspek busana setiap ahli keluarga menjelang Tahun Baharu Cina, khususnya ceongsam merah, iaitu sejenis pakaian wanita Cina berbelah di tepi dan berleher kepuk atau *qipao*. Selain itu, pusat beli-belah dan butik tempatan turut mempamerkan busana berwarna

merah terang yang biasanya hanya akan dipakai pada majlis-majlis tertentu sahaja. Yang jelasnya, merah merupakan warna yang bertuah bagi masyarakat Tionghoa.

Selain Tahun Baharu Cina, warna merah turut dimanifestasikan dalam setiap perayaan masyarakat Tionghoa, iaitu bermula dengan majlis ulang tahun kelahiran dan sambutan genap sebulan kelahiran bayi. Telur rebus yang berwarna merah wajib disediakan untuk kedua-dua majlis tersebut, selain majlis perkahwinan.


Sampul merah atau *angpau* turut diberikan sebagai pemberian atau hadiah wang ikhlas daripada pasangan yang sudah berkahwin kepada generasi muda, warga tua, ibu bapa dan nenek moyang ketika sambutan Tahun Baharu Cina dan perayaan istimewa dalam kalangan masyarakat dan keluarga.

Pada kebiasaannya, golongan kanak-kanak yang akan berasa amat teruja ketika menunggu ketibaan perayaan Tahun Baharu Cina. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka akan dihadiah *angpau* pada setiap kali ucapan *Gong Xi Fa Cai* atau *Xin Nian Kuai Le* dilafazkan kepada generasi tua atau sanak saudara yang sudah berkeluarga atau berumah tangga. Yang pentingnya, jumlah wang yang diterima bukannya menjadi ukuran, sebaliknya sampul merah yang diperoleh melambangkan kebahagiaan dan tuah kehidupan mereka pada masa hadapan.

Di rumah pula, masyarakat Tionghoa akan menggantungkan langsir merah bersulamkan benang emas dan lentera merah yang berhiaskan kertas emas. Altar sembahyang dihiasi buah-buahan dan kertas merah, selain ikatan mistik merah yang secara tersiratnya melambangkan kegembiraan, kesihatan, kesejahteraan

dan kemakmuran hidup yang berpanjangan. Warna merah juga melambangkan kekuasaan menentang kejahatan, seperti merah warna mercun dan percikan seri bunga api secara tradisinya.

Sama seperti warna merah, warna keemasan atau kekuningan turut menarik perhatian masyarakat Tionghoa tanpa mengenal asal dialek, latar belakang atau komposisi suku kaumnya. Kosa kata "emas" atau "kuning" membawa pengertian bahawa wang adalah seperti emas tulen. Warna keemasan melambangkan kekayaan dan kebahagiaan hidup. Kuning pula merupakan warna kerabat diraja. Maharaja *Huang Di* misalnya, dirujuk sebagai "Maharaja Kuning" kerana memakai jubah kuning berlambangkan naga semasa berangkat ke majlis-majlis kebesaran rasmi. Bagi rakyat jelata, kuning menjadi warna pilihan untuk hiasan altar, tokong atau kuil.

Selain merah dan kuning, warna hijau juga dikatakan warna bertuah pada musim perayaan Tahun Baharu Cina. Warna musim bunga tersebut melambangkan pertumbuhan baharu, keamanan dan keharmonian. Berdasarkan kepercayaan tersebut, maka masyarakat Tionghoa meletakkan tumbuh-tumbuhan hijau berpasu di pejabat dan di rumah untuk mengharmonikan dan memajukan dunia perniagaan mereka. Hal ini turut bertujuan untuk mewujudkan kerukunan dan kesejukan di kawasan kediaman, pejabat atau sekitarnya. 



Busana berwarna merah menjadi pilihan masyarakat Tionghoa.